



كِرَاءَان نَغَرِي كَدَاه دَارُول أَمَان
KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-702 7795
Laman Web : pkpk.kedah.gov.my
E-mel : pkpk@kedah.gov.my



Ruj.Kami Bil (18) dlm. P.Kw.N(K) 0190/PKPK/1-2024
Tarikh: 3 Jamadilakhir 1446H
5 Disember 2024

Ketua-Ketua Jabatan Negeri, Negeri Kedah Darul Aman

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan, Negeri Kedah Darul Aman

Ketua-Ketua Jabatan Badan Berkanun Negeri & Persekutuan Negeri Kedah Darul Aman

Ketua-Ketua Jabatan Pihak Berkuasa Tempatan, Negeri Kedah Darul Aman.

SS Dato' Paduka/YAA Dato'/YB Dato' Seri/YBhg. Dato' Seri Setia DiRaja Dato' Paduka/YBhg. Dato'/YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

PERMAKLUMAN PELAKSANAAN PEROLEHAN SEGERA BAGI SEMUA JABATAN YANG MEMPUNYAI KONTRAK-KONTRAK PERKHIDMATAN SEDIA ADA YANG AKAN TAMAT KONTRAK PADA 31 DISEMBER 2024 DAN KONTRAK BAHARU AKAN BERMULA PADA 1 JANUARI 2025.

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas dan arahan YB Dato' Wira Pegawai Kewangan Negeri dalam Mesyuarat Lembaga Perolehan Negeri pada 3 Disember 2024 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan semua jabatan-jabatan adalah diarahkan untuk menyegerakan proses perolehan semula bagi semua kontrak-kontrak perkhidmatan sedia ada di jabatan masing-masing yang akan tamat kontraknya pada 31 Disember 2024 dan akan bermula pada 1 Januari 2025.

3. Proses perolehan bagi perkhidmatan yang berkaitan boleh diproses lebih awal walaupun pembayaran bagi perkhidmatan ini akan menggunakan peruntukan tahun 2025. Walaubagaimanapun pelaksanaannya mestilah mengikut tatacara perolehan yang telah ditetapkan dan dilaksanakan sebelum atau pada 15 Disember 2024

4. Kepada jabatan yang telah mengambil tindakan lebih awal pentadbiran ini mengucapkan ribuan terima kasih dan segala kerjasama yang baik daripada pihak SS Dato' Paduka/YAA Dato'/YB Dato' Seri/YBhg. Dato' Seri Setia DiRaja Dato' Paduka/YBhg. Dato'/YBhg. Datuk/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah disanjung tinggi.

Sekian, dimaklumkan, terima kasih.

Bil (~~18~~) dlm. P.Kw.N(K) 0190/PKPK/1-2024

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA”

Saya yang menjalankan amanah,



(NADZIATUL SHAZWANI BINTI DATO' WIRA HAJI NOR AMAN, BCK.)
Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Perolehan)
b.p Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman.

- s.k. 1. YB Dato' Wira Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman.
2. Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Belanjawan).

☎Tel: 04-7027757/7758/7759 ✉Emel: pkpk_perolehan@kedah.gov.my

KPPKN (P)/ccsury/UnitPerolehanPKN/2024